

Serahan Tangan
5 Januari 2026

Jurutera Jalan,
Bahagian Jalan,
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Ruj. kami

Tuan,

CADANGAN MEMBINA KEDIAMAN PEKERJA SERTA KEMUDAHAN BERKAITAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 14254, MUKIM DURIAN SEBATANG, DAERAH HILIR PERAK, PERAK DARUL RIDZUAN. UNTUK TETUAN SD GUTHRIE SDN BERHAD.

~Permohonan Permit Kerja Bagi Kerja-Kerja Pemasangan Paip Air

Dengan segala hormatnya, kami merujuk kepada perkara di atas.

Untuk makluman pihak Tuan, pihak kami ingin memaklumkan bahawa kerja-kerja pemasangan paip air akan dilaksanakan oleh kontraktor kami, **KL Cemerlang Sdn Bhd**, bagi keperluan pembangunan projek kami.

Kerja-kerja pemasangan paip air ini akan dilaksanakan di dalam kawasan yang melibatkan rizab JKR serta tanah milik SD Guthrie Sdn Bhd, mengikut status semasa pemilikan tanah dan kelulusan yang berkaitan.

Kerja-kerja tersebut melibatkan korekkan setempat anggaran 7 meter dari jalan berturap. Tempoh pelaksanaan kerja korekan setempat ini dianggarkan selama satu (1) bulan, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa dan keadaan tapak.

Sehubungan itu, kerjasama dan makluman daripada pihak Tuan amatlah dihargai bagi melancarkan pelaksanaan kerja-kerja tersebut.

Sekian.

